

Beban tugas PTD bukan halangan

Oleh **MOHAMAD HARITH MOHAMAD NIZAR**
pengarang@utusan.com.my

SERDANG 29 Okt. - Beban tugas yang dipikul sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak menghalang Muhamad Zamani Mohd. Ali, 45, menggenggam segulung Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia.

Bapa kepada tiga cahaya mata itu memberitahu, dia terpaksa memastikan jadual di tempat kerja dan belajarnya tidak bertindih sepanjang pengajiannya.

“Selalunya pada setiap hari minggu, saya akan sibuk dengan mesyuarat dan lawatan ke kawasan yang perlu dipantau bagi tujuan mencapai sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

“Di samping itu, saya turut meneliti setiap jadual supaya tidak timbul masalah dari segi kehadiran ke kelas dan tempat kerja,” katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-37 di Serdang dekat sini hari ini.



Turut meraikan kejayaan itu ibunya Norsiah Mahmood dan isterinya Zawahir Abd. Latif.

Menurut Muhamad Zamani yang juga Ketua Unit di Bahagian Infrastruktur kementerian, bersabar dan berkorban dari segi masa, wang dan diuji ketahanan mental bagi memberi komitmen kepada tugasan dan pelajaran adalah pahit manisnya dalam menamatkan pengajian berkenaan.

“Saya tidak selalu berada di rumah kerana komited dengan tugasan dan pengajian. Mujur, perkara ini difahami keluarga.

“Saya menghargai segala jasa ibu, isteri, ahli keluarga, ketua jabatan, rakan-rakan dan juga pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam membantu saya sepanjang pengajian di sini,” katanya.

Sementara itu, bagi seorang orang kurang upaya (OKU), Noor Sumaiyah Che Leh, 24, yang berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda



MUHAMAD Zamani Mohd. Ali bersama Norsiah Mahmood (kanan) dan Zawahir Abd. Latif selepas Majlis Konvokesyen UPM Ke-37 di Serdang, Selangor, semalam.

Sains Komputer dan Multimedia berkata, keinginan untuk berjaya seperti manusia normal adalah pendorong kuat bagi menghabiskan pengajian tersebut.

Noor Sumaiyah mengalami peny-

kit otak belakang kecut atau Spinocerebellar ataxia sehingga menyebabkan pergerakannya perlahan sama ada ketika berjalan atau menulis.

Dia memberitahu, ada kalanya rakan sekelasnya menyindir dengan



NOOR Sumaiyah Che Leh menerima kucupan daripada ibunya, Faridah Din di Serdang, Selangor, semalam.

caranya menulis yang perlahan walaupun mengetahui kekurangannya itu, namun itu tidak mematahkan semangat untuk menggenggam segulung ijazah.

“Walaupun bagaimanapun, bukan semua rakan sebegitu, ada yang memahami keadaan saya serta membantu sewaktu memerlukan terutama dari segi pembelajaran,” katanya.